

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 March 2016

Anugerah amat bermakna kenang jasa ayahanda - PM

Utm - 3/3/2016

KUALA LUMPUR 2 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak menjunjung kasih kepada Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang berkenan mencemar duli menyampaikan anugerah Tokoh Negarawan Ulung daripada Kumpulan Utusan kepada ayahandanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Perdana Menteri menyifatkan anugerah tersebut amat bermakna bagi mengenang jasa Perdana Menteri kedua itu.

"Penganugerahan ini bagi mengenang jasa ayahanda sebagai arkitek pembangunan negara sepanjang khidmat beliau kepada negara amat bermakna, terutamanya buat patik dan keluarga," katanya melalui laman Facebook beliau hari ini.

Abdul Razak diangkat sebagai Tokoh Negarawan Ulung dalam penganugerahan Utusan Business Awards 2015 yang diadakan buat julung kalinya oleh Kumpulan Utusan.

Anugerah tersebut diberikan kepada Bapa Pembangunan itu bagi menghargai sumbangan besar beliau kepada pembangunan negara sehingga ke akhir hayatnya.

Penganugerahan itu disampaikan kepada isteri Allahyarham, Tun Rahiah Mohammad Noah, semalam.

Sumbangan besar kepada pembangunan negara sehingga ke akhir hayat

Tun Razak Tokoh Negarawan Ulung

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

